

**JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN**

No. Rujukan : MDBG.(S).400-5/8/3 ()
Tarikh : 23 Julai 2026

NOTIS TENDER

(NO. TENDER: 03/2026)

Tender adalah dipelawa kepada petender-petender tempatan yang berminat dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang 221002 (Membersih Kawasan)** yang masih sah dalam tempoh tender untuk memberikan perkhidmatan seperti berikut :

BIL	BUTIR- BUTIR TENDER	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU PEMBELIAN DOKUMEN (SECARA ATAS TALIAN)	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1	No Tender: 03/2026 Tajuk: KONTRAK PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN KAWASAN LAPANG SERTA PADANG PERMAINAN DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BAGI TEMPOH 36 BULAN (ZON C)	Kementerian Kewangan Malaysia 221002 (Membersih Kawasan)	Tarikh: 27 Julai 2026 (Isnin) Tempat Pendaftaran Dan Taklimat: Auditorium, Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Waktu Pendaftaran: 8.30 pagi – 10.00 pagi Taklimat: 10.00 pagi Kehadiran: WAJIB **Sila muat turun borang pendaftaran tender di Laman Web Rasmi MDBG	Tarikh Pembelian: 27 Julai 2026 (Isnin) Tarikh dan waktu tutup pembelian: 11 Ogos 2026 (4.00 Petang) Harga Dokumen: RM50.00 **Pautan bagi pembelian borang akan dimaklumkan semasa taklimat.	Tarikh Tutup: 12 Ogos 2026 (Rabu) Jam: 12.00 tengahari

1. Taklimat lawatan tender adalah wajib dihadiri oleh semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang ditawarkan.
2. Lawatan tapak secara rasmi tidak akan diadakan oleh pihak Majlis. Walau bagaimanapun, kontraktor adalah disyorkan untuk membuat lawatan tapak secara persendirian.
3. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia sahaja boleh menghadiri pendaftaran kerja dan taklimat tender.
4. Kontraktor (Penama) dikehendaki membawa dokumen-dokumen berikut semasa pendaftaran kerja dan taklimat tender:
 - 4.1 Kad Pengenalan (Pemilik Syarikat);
 - 4.2 Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Batu Gajah.
 - 4.3 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - 4.4 Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia;
 - 4.5 Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) – **Tahun 2026 berstatus PATUH.**Bagi syarikat yang berdaftar sebagai syarikat perkongsian, TCC yang dikemukakan hendaklah didaftarkan atas nama syarikat. Manakala bagi syarikat pemilikan tunggal, TCC yang dikemukakan hendaklah atas nama pemilik syarikat.

Nota :

- **Kontraktor hendaklah memastikan sijil-sijil yang dikemukakan masih sah pada tarikh pendaftaran dan taklimat**
 - **Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) bulan dari tarikh tamat tempoh sah laku sijil.**
 - **Hanya syarikat yang telah berdaftar sebagai kontraktor MDBG pada atau sebelum 22 Julai 2026 sahaja yang layak untuk menyertai tender ini.**
5. Semua borang tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TENDER, DI JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH.**
 6. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
 7. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tender yang terendah sekali atau mana-mana tender yang disyorkan.



(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI., PMP., AMP.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah